

CNS5116

U GB 02-12 00173 BB986

aab

Mahathir - Gulung (Kuwait)

KUALA LUMPUR, -2 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia dan negara-negara Islam lain sanggup menjadi orang tengah dalam usaha menyelesaikan krisis Teluk, jika Bangsa-Bangsa Bersatu tidak mampu berbuat demikian.

Perdana Menteri berkata beliau telah menyampaikan perkara itu kepada Iraq tetapi tidak mendapat jawapan balas, malah negara itu telah menghanta lebih ramai tentera ke Kuwait dan mengancam untuk menyerang Arab Saudi pula.

+Kita sedar dan tidak suka cara Amerika Syarikat terlibat dalam krisis Teluk,+ katanya ketika menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung UMNO di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

+Kita tidak suka kepada Amerika Syarikat yang punya banyak pengaruh Yahudi di dalamnya dan kita sedar mungkin Israel mengambil kesempatan dari serangan Iraq ke atas Kuwait,+ katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas rasa tidak puas hati di kalangan perwakilan UMNO mengenai sokongan Malaysia ke atas usul Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu membenarkan penggunaan kekerasan untuk mengeluarkan Iraq dari Kuwait. -- Lagi

♥02/12/20-13MST

CNS5120

U GB 02-12 00142 BB987

aab

Mahathir - Gulung (Kuwait) 2 Kuala Lumpur

Menurutnya, Malaysia mesti ingat bahawa rakyat Kuwait telah ditawan dan ramai daripada mereka telah menderita dan sedang menunggu pertolongan daripada pihak lain.

+Kalau negara Islam sanggup menghantar tentera yang kuat, kita tidak perlu menyokong usul berkenaan di Bangsa-Bangsa Bersatu, tetapi kita sendiri tidak sanggup dan negara Islam lain, jika cukup, tidak cukup kuat untuk menentang Iraq,+ jelasnya..

Perdana Menteri berkata, Arab Saudi yang merasa cemas, telah mencari siapa sahaja yang sanggup memberi pertolongan kerana menurutnya ketika dalam kecemasan tidak boleh memilih siapa yang boleh menolong.

Sebagai contoh, beliau berkata, orang yang hampir lemas tidak akan memikirkan sama ada yang menghulurkan tangan membantunya itu orang Islam atau tidak.

Menurutnya, daripada sumber-sumber yang layak dipercayai, ramai rakyat Kuwait telah mati dan diseksa. -- Lagi

♥02/12/20-19MST

CNS5123

U GB 02-12 00115 BB988

aab

Mahathir - Gulung (Kuwait) 3 Kuala Lumpur

Mengenai sekatan bekalan makanan yang dipersetujui oleh Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir berkata ia mungkin memakan masa yang lama untuk berkesan seperti yang dilihat ketika dikenakan sekatan ke atas Afrika Selatan yang tidak memberi kesan walaupun selepas 10 tahun.

Malaysia, katanya tidak bersetuju dengan mana-mana negara yang kuat memasuki negara jirannya yang lemah, ugutan yang dikenakan oleh kuasa-kuasa besar dan tidak boleh berkecuali atas tindakan Iraq menawan Kuwait.

Beliau menjelaskan negara menyokong usul di PBB itu kerana ingin memberi peluang Iraq keluar dari Kuwait dalam tempoh 45 hari dan mahu krisis Teluk selesai secepat mungkin. -- Bernama

♥02/12/20-23MST